

***AL-TAQDIM WA AL-TA'KHIR DALAM AL-QIRAA'AT AL-SHADHDHAH***  
***BERSUMBERKAN <sup>C</sup>ABD ALLAH IBN MAS<sup>C</sup>UD R.A***

Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi (PhD)<sup>1</sup>  
Abd Rahman Abd Ghani (PhD)<sup>2</sup>

***Abstract***

*Al-Qira'at Shadhdhah is one of the important discussions in the study of Qiraat. The recitation is rejected and not considered as part of the Qur'an due to non-compliance of the Qiraat rules that have been agreed to by the scholars. Ibn Mas'ud was among the companions whose recitations are different as compared to Quran Rasm <sup>c</sup>Uthmani. This study focuses on the al-Taqdim wa al-Ta'khir (advance and end) in 15 places found in Qiraat Ibn Mas'ud. Those changes cover additions and reductions of the letters, the adjunctive articles, words and sentence phrases. The findings of the research show that any differences occurred did not radically change the meaning, however it affects the meaning of the structure and the composition. Although it does not distort the meaning but the scholars determined that it can not be recited inside or outside prayers (solat).*

## **PENGENALAN**

Kelahiran mashaf <sup>c</sup>Uthmani telah disambut oleh kesepakatan majoriti (*ijmak*) oleh seluruh para sahabat Rasulullah SAW. Mashaf <sup>c</sup>Uthmani ini telah diterima oleh mereka sebagai '*al-Imam*' yang menjadi sumber dan tempat rujukan yang sah dalam menentukan sifat al-Qur'an dan *rasm al-mashaf* dalam bentuk tulisan. Dengan lahirnya mashaf <sup>c</sup>Uthmani, maka bacaan Qiraat yang pelbagai sama ada berpunca daripada perbezaan dalam *Sab<sup>c</sup>ah Ahruf*, periwayatan sahabat r.a daripada Rasulullah SAW yang bertaraf '*khabar ahad*' atau yang bersifat tafsiran daripada para Sahabat telah dipisah dan diasingkan dari mashaf. Setelah dipisah dan diasingkan dari mashaf *al-Imam* dan mashaf-mashaf yang diantar maka secara rasmi bacaan selain dari yang termaktub dalam mashaf-mashaf <sup>c</sup>Uthmani menjadi *al-Qiraat al-Shadhdhah*. Walaupun bacaan itu telah menjadi *Shadh* namun ia tetap menjadi suatu yang penting kerana pada sebelum pembukuan dan penyalinan semula mashaf, ia adalah sebahagian daripada al-Qur'an.

---

<sup>1</sup> Beliau merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak.

<sup>2</sup> Beliau merupakan Prof. Madya di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak.

*Al-Qira'at al-Shadhdhah* merupakan perbincangan kedua setelah *al-Qira'at al-Mutawatirah*. *Al-Qira'at al-Shadhdhah* bermaksud bacaan yang telah gugur satu rukun atau lebih daripada rukun *al-Qira'at al-Sahihah* iaitu sanad yang *mutawatir*, menepati salah satu dari kaedah bahasa Arab dan menepati bentuk tulisan *Rasm ^Uthmani* yang direkodkan dalam salah satu Mashaf *^Uthmani* (Abu Shamah 1978 dan al-Nuwayri 2003).

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, Islam tersebar secara meluas ke kebanyakan pelosok Arab. Para sahabat r.a telah diutuskan untuk menyebarluaskan Islam sekali gus membawa al-Qur'an bersama mereka. Justeru, beberapa bentuk bacaan tersebar bersandarkan sahabat yang mengajar bentuk bacaan yang ada pada mereka. Sejak itu berlaku perselisihan bacaan sehingga berakhir dengan penulisan al-Qur'an yang dilaksanakan oleh Khalifah *^Uthman*. (al-Bukhari 1993).

Antara sahabat yang telah diutuskan untuk menyebar luas Islam ke pelosok Tanah Arab ialah *^Abd Allah Ibn Mas'ud* r.a. Beliau telah diutuskan ke Kufah (Iraq) untuk menjadi guru dan pengasas Islam di sana semasa zaman pemerintahan Khalifah *^Umar al-Khattab*. (Muhammad Rawwas Qal'ah Ji 1984). Keadaan ini menjadikan penduduk Kufah membaca al-Qur'an dengan Qiraat Ibn Mas'ud r.a. (Ahmad *^Isa* al-Mas'arawi 2006). Beliau merupakan antara sahabat yang paling hebat pada zamannya. Beliau merupakan sahabat utama dan alim dalam bidang al-Qur'an, Fiqh dan Hadith. Ini terbukti dengan pengiktirafan yang dikemukakan sendiri oleh para sahabat antaranya ialah *^Umar al-Khattab*, *^Ali bin Abi Talib* dan para muridnya dalam kalangan Tabiin. (Muhammad Rawwas Qal'ah Ji, 1984).

Namun, semasa peristiwa pengumpulan dan penulisan semula al-Qur'an pada zaman *^Uthman* r.a, terdapat sebahagian daripada Qiraat Ibn Mas'ud r.a dipinggirkan dan dikira sebagai *shadhdhah*. Keadaan ini menjadikan beliau sahabat yang paling banyak diriwayatkan bacaan yang *shadhdhah* dan ditolak. Penolakan ini akan menimbulkan persoalan dan permasalahan yang memerlukan kajian terperinci memandangkan Ibn Mas'ud r.a merupakan sahabat yang dirujuk bacaannya dan diiktiraf sebagai pakar dalam bidang al-Qur'an.

## **Tokoh Sahabat Abd Allah bin Mas'ud r.a**

Nama penuh beliau ialah <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas'ud r.a Ibn Ghafil Ibn Habib Ibn Syamkh Ibn Far Ibn Makhzum Ibn Sahilah Ibn Kahil Ibn al-Harith Ibn Tamim Ibn Sa'ad Ibn Hudhayl Ibn Mudrakah Ibn Ilyas Ibn Mudir al-Huzli, Abu Abd al-Rahman. (Ibn 'Athir, 1987). Abd Allah Ibn Mas'ud r.a merupakan antara yang terawal memeluk Islam. Diriwayatkan beliau telah masuk Islam bersama-sama dengan Sa'id Ibn Zayd dan isterinya iaitu Fatimah Ibn al-Khattab yang merupakan adik kepada Umar al-Khattab (Ibn Athir 1987 dan Ibn Hajar al-Asqalani, 2008). al-Hakim (1990) meriwayatkan bahawa <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas'ud menyatakan tentang dirinya; “*Sesungguhnya engkau melihat aku, keenam dari yang muslim di atas bumi ini.*”<sup>3</sup>

Al-Bukhari (1993) telah meriwayatkan : *Dari pada Abd al-Rahman bin Yazid telah berkata : Kami telah bertanya kepada Hudhayfah tentang siapakah lelaki yang amat dekat perwatakan dan kemuliaan dengan Rasulullah SAW sehingga boleh kami ambil contoh darinya. Maka telah berkata Hudhayfah : “Aku tidak mengetahui tentang orang lain yang amat dekat perwatakan dan kemuliaan dengan Rasulullah SAW setanding Ibn Umm Abd”.* (al-Bukhari, 1993. Bab Manaqib <sup>c</sup>Abd Allah bin Mas'ud, No. Hadith: 3478)

Pengiktirafan terhadap kepakaran Ibn Mas'ud dalam bidang al-Qur'an boleh dilihat menerusi empat aspek. Aspek pertama ialah permintaan Rasulullah SAW agar diperdengarkan bacaan kepada Baginda SAW. Al-Bukhari (1993) meriwayatkan bahawa pernah Rasulullah SAW telah meminta kepada beliau agar dibacakan kepada baginda al-Qur'an sedangkan al-Quran itu diturunkan Tuhan kepada baginda. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW suka mengiktiraf terhadap bacaan <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas'ud.<sup>4</sup>

Aspek kedua pula pengiktirafan sebagai rujukan utama al-Qur'an. (al-Bukhari, 1993) meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda; “*Ambillah (pelajarilah) al-Quran*

---

<sup>3</sup> al-Hakim 1990. Bab Dhikr Manaqib <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas'ud Radiya Allah 'Anh. No. Hadith : 5368 dan 5636

<sup>4</sup> Al-Bukhari, 1993 Bab Qawl al-Muqri' Li al-Qari' Hasbuk. No. Hadith : 4662.

*daripada empat (orang) iaitu dari Abd Allah Ibn Mas'ud, Salim (Hamba Abu Hudhayfah) Mu'az Ibn Jabal dan Ubayy Ibn Ka'ab*<sup>5</sup>. Aspek ketiga pula pengiktirafan sebagai sahabat yang mempunyai bacaan yang tepat dan sesuai dengan bacaan ketika ayat tersebut diturunkan. al-Hakim (1990) meriwayatkan sabda Rasulullah SAW; “*Sesiapa yang menyukai untuk membaca al-Quran tepat sebagaimana ianya diturunkan maka bacalah sepertimana bacaan Ibn Umm Abd*”<sup>6</sup>.

Manakala aspek keempat pula pengiktirafan terhadap pengetahuan yang luas tentang setiap peristiwa dalam penurunan al-Qur'an. Muslim (1995) meriwayatkan kenyataan beliau; “*Dan tidak ada selain darinya yang mengetahui tentang kitab Allah satu surah kecuali aku mengetahui di mana ianya diturunkan. Juga tidak ada ayat kecuali aku mengetahui dalam keadaan mana ianya diturunkan. Dan sekiranya aku mengetahui ada seorang yang lebih mengetahui berkenaan dengan kitab Allah (lebih) daripada aku, nescaya akan aku capai untaku dan pergi menemuinya*”<sup>7</sup>.

<sup>5</sup> Abd Allah Ibn Mas'ud r.a telah meninggal dunia pada 32 Hijrah di Madinah al-Munawwarah. (Khalid Abd al-Rahman al-'Akk, 1991). Ketika itu beliau berumur lebih dari 60 tahun (Muhammad Rawwas Qal'ah Ji, 1984) dan dinyatakan kematian beliau ialah sebelum berlakunya pembunuhan Khalifah Uthman r.a. Sebelum meninggal, beliau telah mewasiatkan agar Zubayr mensolatkan jenazahnya dan disemadikan di sebelah kubur Uthman Ibn Mazu'n dalam kawasan perkuburan Baqi'. (al- Tabari, 1407H)

### **Bentuk *Al-Qira'at al-Shadhdhah* Bersumberkan 'Abd Allah Ibn Mas'ud r.a**

Mushaf Ibn Mas'ud r.a ini hakikatnya tidak diriwayatkan dalam bentuk mashaf. Ia hanyalah merupakan periyatan yang disandarkan kepada mashaf beliau atau disandarkan kepada bacaan beliau. Ia dinukilkan dengan menggunakan pelbagai lafaz antaranya ialah:

---

<sup>5</sup> Sahih al-Bukhari, 1993. Bab *al-Qurra' min Ashab al-Nabi Salla Allah Alayhi Wa Sallam*. No. Hadith: 4615 dan 3524.

<sup>6</sup> Mustadrak al-Hakim 1990. Bab *Manaqib 'Abd Allah bin Mas'ud* No. Hadith : 5386 dan 5390.

<sup>7</sup> Muslim. 1365H. Bab *Fada'il Abd Allah ibn Mas'ud wa Ummuhu r.a.* No. Hadith : 4502

1. وفي مصحف عبد الله بن مسعود (Dan dalam Mashaf <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas<sup>c</sup>ud)<sup>8</sup>
2. وفي قراءة عبد الله (Dan dalam Qiraat <sup>c</sup>Abd Allah)<sup>9</sup>
3. وقرأ عبد الله بن مسعود (Dan telah baca <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas<sup>c</sup>ud)<sup>10</sup>
4. وفي حرف عبد الله (Dan dalam bentuk (bacaan) <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas<sup>c</sup>ud)<sup>11</sup>
5. كان أصحاب عبد الله يقرءونها (Adalah perawi <sup>c</sup>Abd Allah membacanya sedemikian)<sup>12</sup>
6. وهي قراءة عبد الله وأصحابه (Dan merupakan <sup>c</sup>Abd Allah serta perawinya)<sup>13</sup>

Berdasarkan kajian yang telah dibuat terdapat 402 *khilaf* atau perbezaan *rasm* dan bacaan <sup>c</sup>Abd Allah Ibn Mas<sup>c</sup>ud r.a berbeza dengan penulisan *Rasm cUthmani*. Semua *khilaf* ini dibahagikan dalam beberapa bentuk :

- 1) Perbezaan titik pada lafaz atau perkataan
- 2) Perbezaan dalam pergantian (*al-Ibdal*)
- 3) Perbezaan dalam penambahan (*al-Ziyadah*)
- 4) Perbezaan dalam pengurangan (*al-Nuqsan*)
- 5) Perbezaan dari sudut mendahulukan dan mengakhirkkan (*al-Taqdim wa al-Ta'khir*)
- 6) Khilaf Berkelompok (*Tajamu<sup>c</sup> al-Ikhtilaf*).

Artikel ini hanya memberikan tumpuan kepada bentuk *al-Qira'at al-Shadhdhah* yang bersumberkan Ibn Mas<sup>c</sup>ud dari aspek Mendahulukan Dan Mengakhirkan (*Al-Taqdim Wa Al-Ta'khir*) sahaja.

### **Mendahulukan Dan Mengakhirkan (*Al-Taqdim Wa Al-Ta'khir*) Dalam Qira'at Ibn Mas<sup>c</sup>ud r.a.**

<sup>8</sup> Penggunaan ini terdapat antaranya dalam *al-Muharrir al-Wajiz* karangan Ibn 'Atiyyah, *Tafsir al-Qurtubi*, *Tafsir Maqatil bin Sulayman* dan *Ma'ani al-Qur'an al-Nuhhas*.

<sup>9</sup> Penggunaan ini terdapat antaranya dalam *al-Bahr al-Muhit* karangan Abu Hayyan, *al-Durr al-Manthur* karangan al-Suyuti, *al-Kashshaf* karangan al-Zamakhshari, *Tafsir al-Tha'labi*, *Tafsir Ibn Kathir*, *Tafsir al-Tabari* dan sebagainya. Lafaz ini merupakan antara yang paling popular.

<sup>10</sup> Penggunaan ini terdapat antaranya dalam *al-Bahr al-Muhit* karangan Abu Hayyan, *al-Muharrir al-Wajiz* karangan Ibn 'Atiyyah, *Tafsir al-Qurtubi*, *Ma'ani al-Qur'an al-Nuhhas* dan *Mafatih al-Ghayb* al-Razi.

<sup>11</sup> Penggunaan ini terdapat antaranya dalam *al-Bahr al-Muhit* karangan Abu Hayyan, *al-Durr al-Masun* karangan al-Samin al-Halabi, *al-Kashshaf* karangan al-Zamakhshari, *Tafsir al-Alusi*, *al-Muharrir al-Wajiz* karangan Ibn 'Atiyyah dan *Tafsir al-Baghawi*.

<sup>12</sup> Penggunaan ini terdapat antaranya dalam *Tafsir al-Thawri* dan *Tafsir min Sunan Sa'id bin Mansur*.

<sup>13</sup> Penggunaan ini terdapat antaranya dalam *al-Bahr al-Muhit* karangan Abu Hayyan, *al-Muharrir al-Wajiz* karangan Ibn 'Atiyyah, *Ruh al-Ma'ani* karangan al-Alusi dan *Tafsir al-Qurtubi*.

Al-Zarkashi (1957) menyenaraikan terdapat sebanyak 16 tempat dalam al-Qur'an mashaf *'Uthmani* yang berlaku bentuk *al-Taqdim wa al-Ta'khir* (mendahulukan dan mengakhirkan). Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu pertama melibatkan perkataan dan kedua melibatkan frasa ayat. Antara contoh yang sedia ada dalam al-Qur'an yang melibatkan berlakunya *al-Taqdim wa al-Ta'khir*. (Mahmud al-Sayyid Shaykhun t.t.) ialah :

1. *al-Taqdim wa al-Ta'khir* yang melibatkan perkataan ialah : Contohnya ialah (وَالنَّصَارَى وَالصَّابِئِينَ) dalam surah *al-Baqarah* ayat 62 dan dengan ayat 17 Surah *al-Hajj* (وَالصَّابِئِينَ وَالنَّصَارَى).
  2. *al-Taqdim wa al-Ta'khir* yang melibatkan frasa sebagaimana dalam ayat berikut : ﴿وَجَهْ نَمْ نَيْبِي﴾ dalam surah *al-Baqarah* ayat 264 dengan frasa ﴿نُوْ نُوْ نُوْ نُي﴾ Surah *Ibrahim* ayat 18.
  3. Dalam menghuraikan konsep mendahulukan dan mengakhirkan dalam al-Qur'an, al-Suyuti (1998) menyatakan terdapat 10 sebab berlakunya *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dalam al-Qur'an. Ia menyenaraikan sebagaimana berikut :
    - i. Mendahulukan nama Allah berbanding yang selainnya. Contohnya ialah seperti ayat 18 surah *Ali Imran* : (شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمُ قَاتِلُهُمْ).
    - ii. Pengagungan(*Al-Ta'zim*) mendahulukan keagungan Allah berbanding Rasul. Contohnya ialah ayat 69 surah *al-Nisa'* : (وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ).
    - iii. Kemuliaan (*al-Tashrif*) : Contohnya ialah mendahulukan lelaki berbanding perempuan (*al-Ahzab* : 35), yang hidup berbanding yang mati (*al-Rum* : 19), Kuda berbanding *Baghal* (*al-Nahl* : 8) dan pendengaran berbanding penglihatan (*al-Isra'* : 36), perkara ghaib (*al-Ghayb*) berbanding yang dapat disaksikan (*al-Shahadah*) (*al-Mu'minun* : 92).
    - iv. Kemunasabahan (*al-Munasibah*) : Kemunasabahan ini adalah bergantung pada kehendak yang mana perlu didahulukan. Contohnya ialah seperti ayat 6 surah *al-Nahl* iaitu (وَلَكُمْ فِيهَا جَمَانٌ حِينَ ثُرِيُّحُونَ وَحِينَ شَرَحُونَ). Dalam ayat ini didahulukan frasa (حين ثريحون) yang bermaksud 'ketika membawanya berehat' berbanding bermaksud 'ketika membawanya keluar' (وَحِينَ شَرَحُونَ) kerana perkataan

- keindahan (الجمال) ialah bila membawa berehat lebih disukai berbanding membawanya keluar untuk diberi makan.
- v. Galakan atau dorongan melakukan sesuatu. Contohnya ialah seperti mendahulukan wasiat berbanding hutang. (*al-Nisa'* : 11). Ia digalakkan sekalipun menurut syarak hutang adalah lebih utama diselesaikan apabila seseorang mati.
  - vi. Menunjukkan yang mana lebih didahulukan (*al-Sabaq*) sama ada yang berkaitan dengan masa, malam berbanding siang, kegelapan atas cahaya, giliran mendahulukan Adam berbanding Nuh.
  - vii. Sebab dan akibat (*al-Sababiyyah*) : Antara contohnya seperti ayat 222 surah *al-Baqarah* (إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ) yang bermaksud ‘Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri’. Didahulukan taubat dengan taubatlah yang menyebabkan seseorang dapat menyucikan diri.
  - viii. Mendahulukan yang jumlahnya lebih banyak. Contohnya ialah seperti ayat 2 surah *al-Taghabun* (فَمِنْكُمْ كَافِرٌ وَمِنْكُمْ مُؤْمِنٌ). Ayat ini didahulukan kafir berbanding orang beriman kerana jumlahnya yang lebih ramai.
  - ix. Urutan yang bermula rendah kepada tinggi. Contohnya ialah seperti dalam surah *al-A'raf* ayat 195 (أَلَّهُمْ أَرْجُلٌ يَقْشُونَ بِهَا أَمْ أَمْ أَهُمْ أَيْدٍ يَبْطِشُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ أَعْيُنٌ يُبَصِّرُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا...). Dalam ayat ini telah menunjukkan urutan yang mana tangan adalah lebih mulia daripada kaki, mata lebih mulia dari tangan, dan pendengaran adalah lebih mulia daripada penglihatan.
  - x. Urutan dari atas ke bawah. Contohnya ialah seperti dalam ayat 255 surah *al-Baqarah* iaitu (لَا تَأْخُذْ سِنَةً وَلَا نَوْمٍ) iaitu mendahulukan mengantuk berbanding tidur.

Secara keseluruhan, terdapat 15 tempat khilaf dalam konteks mendahulukan dan mengakhirkannya (*al-Taqdim wa al-Ta'khira*) dalam al-Qira'at al-Shadhdhah bersumberkan Qiraat Abd Allah bin Mas'ud r.a. Kesemua bentuk ini terbahagi kepada lapania itu :

1. *al-Taqdim wa al-Ta'khira* Huruf
2. *al-Taqdim wa al-Ta'khira* Kata Penyambung
3. *al-Taqdim wa al-Ta'khira* Perkataan
4. *al-Taqdim wa al-Ta'khira* Frasa


5. *al-Taqdim wa al-Ta'khir* Perkataan dan Frasa.
6. Gabungan antara *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dan *Al-Ibdal* (Pergantian).
7. Gabungan antara *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dan *Al-Ziyadah* (Penambahan).
8. Gabungan antara *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dan *Al-Nuqsan* (Pengurangan).

Pembahagian jumlah dan peratus khilaf *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dalam Qiraat <sup>c</sup>Abd Allah bin Masud r.a sebagaimana berikut :

Bil	Bentuk <i>al-Taqdim wa al-Ta'khir</i>	Jumlah	Peratus
1.	Huruf	1	6.66
2.	Kata Penyambung	1	6.66
3.	Perkataan	4	26.66
4.	Frasa	2	13.33
5.	Perkataan dan Frasa.	2	13.33
6.	Gabungan dengan <i>al-Ibdal</i>	2	13.33
7.	Gabungan dengan <i>al-Ziyadah</i>	1	6.66
8.	Gabungan dengan <i>al-Nuqsan</i>	2	13.33
<b>Jumlah Besar</b>		<b>15</b>	<b>100%</b>

Sumber : Adaptasi dari Dapatan Hasil Kajian

Untuk lebih jelas pembahagiannya berikut disertakan peratusan dalam bentuk carta pai ialah sebagaimana berikut :



Berdasarkan jadual dan carta di atas ia menunjukkan jumlah yang paling dominan dalam *al-Taqdim wa al-Ta'khir* ialah berlaku dalam kategori perkataan. Ia melibatkan separuh daripada jumlah berkenaan iaitu enam tempat dengan peratusannya ialah 40%. Manakala yang mana masing-masing dua tempat ialah berlakunya *al-Taqdim wa al-Ta'khir* sesama frasa dan antara perkataan dengan frasa. Ia berjumlah sebanyak 20% untuk kedua-duanya. Terakhir ialah dengan hanya masing-masing satu tempat sahaja ialah *al-Taqdim wa al-Ta'khir* yang melibatkan huruf dan kata penyambung. Jumlah peratus kedua-dua ini ialah 10%.

## 1. *al-Taqdim wa al-Ta'khir Huruf*

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, terdapat hanya satu tempat sahaja dalam Qiraat <sup>c</sup>Abd Allah bin Mas<sup>c</sup>ud r.a yang melibatkan berlakunya *al-Taqdim wa al-Ta'khir*. Khilaf ini telah berlaku dalam ayat 138 surah *al-An<sup>c</sup>am* sebagaimana berikut :

چاں بہ بہ بہ بہ

Maksudnya :*Dan mereka berkata lagi: "Ini adalah binatang-binatang ternak dan tanaman-tanaman yang dilarang, yang tidak boleh seorang pun memakannya*

Situasi *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dalam Qiraat <sup>c</sup>Abd Allah bin Mas<sup>c</sup>ud r.a diriwayatkan sebagaimana berikut :

وقرأ ابن عباس وأبيّ وابن مسعود وابن الزبير والأعمش وعكرمة وعمرو بن دينار « حرج » بكسر الحاء  
وتقييم الراء على الجيم وسكونها

Maksudnya :Telah baca Ibn <sup>c</sup>Abbas, Ubay, Ibn Mas<sup>c</sup>ud, Ibn Zubayr, al-A<sup>c</sup>mash, <sup>c</sup>Ikrimah, <sup>c</sup>Amru bin Dinar (ialah dengan) : (چونج) iaitu dengan baris kasrah pada al-Ha' dan mendahulukan al-Ra' berbanding al-Jim dan membariskannya dengan sukun.(Ibn <sup>c</sup>Atiyyah 1422H)

Dalam ayat ini telah berlaku mendahulukan dan mengakhirkan (*al-Taqdim wa al-Ta'khir*) antara huruf *al-Ra'* dan *al-Jim*. Perkataan rujukan dalam mashaf <sup>c</sup>Uthmani ialah ( ﴿ ) manakala berlaku mendahulukan dan mengakhirkan antara huruf *al-Ra'* dan *al-Jim* menjadikan perkataan baru menjadi ( حُرْجٌ ). Perkataan ( ﴿ ) bermaksud larangan manakala perkataan ( حُرْجٌ ) bermaksud berdosa, sempit dan haram (Ibn Manzur, 1999). Justeru, sekalipun berlaku *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dalam perkataan tersebut dan telah menjadikan perkataan baru, ia tetap tidak mengubah makna secara radikal bahkan masih boleh diertikan dalam maksud yang sama.

## **2. Mendahulukan dan Mengakhirkan Kata Penyambung**

Berdasarkan riwayat, hanya terdapat satu tempat sahaja perbezaan dari sudut *al-Taqdim wa al-Ta'khir* yang melibatkan kata penyambung. Ia berlaku pada perkataan (أَيْمًا) yang dipecahkan dan kemudiannya berlaku *al-Taqdim wa al-Ta'khir* antara (أَيْ) dan (مَا). Situasi ini berlaku dalam ayat 28 surah *al-Qasas* sebagaimana berikut :

جِئْ يَوْمَ نُحْجَةِ

Maksudnya :*Yang mana sahaja dari dua tempoh itu yang aku tunaikan, maka janganlah hendaknya aku disalahkan.*

Berlaku keadaan *al-Taqdim wa al-Ta'khir* kata penyambung dalam Qira'at <sup>c</sup>Abd Allah bin Mas'ud r.a dinyatakan dalam riwayat sebagaimana berikut :

وَقَرَأَ عَبْدُ اللَّهِ أَيْمَانَ الْأَجَلَيْنِ مَا قَضَيْتَ

Maksudnya :*Dan telah baca <sup>c</sup>Abd Allah (dengan) :* (أَيْمَانَ الْأَجَلَيْنِ مَا قَضَيْتَ). (Abu Hayyan 1993 dan al-Zamakhshari 1407H).

Menurut Mahmud bin Abd al-Rahim Safi (1418H) beliau telah mengi<sup>c</sup>rabkan kata penyambung (أَيْمًا) dipecahkan menjadi (أَيْ) sebagai *Ism Syart* manakala (مَا) sebagai *za'idah*. Maka sekiranya dipisahkan antara kedua perkataan ini dengan berlakunya *al-Taqdim wa al-Ta'khir* kata penyambung maka (أَيْ) tetap berperanan sebagai *Ism Syart* manakala (مَا) boleh berubah menjadi *Ma al-Mawsulah* yang mana berperanan penyambung namun ia masih berperanan sebagai *za'idah* (penambahan).

### 3. Mendahulukan dan Mengakhirkan Perkataan

Secara keseluruhan terdapat enam tempat dalam Qiraat <sup>c</sup>Abd Allah bin Mas'ud r.a yang melibatkan *al-Taqdim wa al-Ta'khir* perkataan. Antara contoh mendahulukan dan mengakhirkan perkataan ialah sebagaimana berikut :

- i. Pertukaran tempat antara perkataan (المؤت) (الحق) dengan (الحق). *Al-Taqdim wa al-Ta'khir* perkataan berlaku dalam surah *Qaf* ayat 19 sebagaimana berikut :

جِئْ يَوْمَ نُحْجَةِ

Maksudnya :*Dan (apabila sampai ajal seseorang) datanglah “Sakaratulmuat” membawa kebenaran (yang telah dijanjikan, serta dikatakan kepada yang mengingkarinya sebelum itu)*

*Al-Taqdim wa al-Ta'khir* perkataan dalam ayat ini dinyatakan dalam periyawatan berikut :

وَفِي مَصْحَفِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُسْعُودٍ : « وَجَاءَتْ سُكُّرَ الْحَقِّ الْمُؤْتَ »

وَجَاءَتْ سَكُرَةً ( ) مaksudnya :Dan dalam mashaf<sup>c</sup> Abd Allah bin Mas<sup>c</sup>ud (dibaca dengan) : (الْحَقُّ بِالْمَوْتِ). (al-Tha<sup>c</sup>alibi 1418H dan al-Tha<sup>c</sup>labi 2002)

Dalam menjelaskan makna dalam bentuk bacaan yang dibawa oleh Ibn Mas<sup>c</sup>ud r.a, Al-Mawardi (1993) menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan kebenaran (*al-Haq*) adalah kematian (*al-Mawt*). Ini kerana kehidupan selepas kematian itu dinamakan sebagai tempat atau negeri kebenaran (*Dar al-Haq*).

Manakala menurut al-Tha<sup>c</sup>alibi (1418H) dan al-Tha<sup>c</sup>labi (2002) menjelaskan bahawa *Sakrah* itu adalah kebenaran yang datang dari Allah iaitu kematian seseorang. Justeru, berdasarkan pentafsiran yang dibuat oleh para mufasir ia tidaklah mengubah secara radikal pemahaman ayat berkenaan bahkan ia boleh digabungkan makna antara satu sama lain.

- ii. Pertukaran kedudukan perkataan antara ( ﴿ ) dengan ( ﴿ ). Situasi ini berlaku dalam ayat 25 surah *al-Nur* sebagaimana berikut :

﴿ كَذَّ وْ قَوْدَنْ كَذَّ وْ قَوْدَنْ ﴾

Maksudnya :Pada hari itu Allah akan menyempurnakan untuk mereka balasan (*azab seksa*) yang berhak mereka mendapatnya, dan mereka pula akan mengetahui bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Adil, lagi nyata keadilanNya.

Perbezaan dalam Qiraat<sup>c</sup> Abd Allah bin Mas<sup>c</sup>ud r.a adalah berdasarkan periwayatan berikut :

وفي مصحف ابن مسعود وأبي بن كعب « ﴿ كَذَّ وْ قَوْدَنْ كَذَّ وْ قَوْدَنْ ﴾ » بتقديم الصفة على الموصوف  
Maksudnya :Dan dalam mashaf Ibn Mas<sup>c</sup>ud dan Ubay bin Ka<sup>c</sup>ab (dibaca dengan) : (كَذَّ وْ قَوْدَنْ كَذَّ وْ قَوْدَنْ) iaitu didahulukan kata sifat berbanding *al-mawsuf*. (al- Tha<sup>c</sup>alibi 1418H)

Secara makna perubahan tempat *kata sifat* dan *al-mawsuf* tidak mengubah makna. Ia tetap memberi maksud yang sama . Justeru, ia tidak memberi kesan dari sudut makna hanya memberi kesan terhadap *rasm* sahaja.

#### 4. *al-Taqdim wa al-Ta'khir* Frasa

Berdasarkan kajian, terdapat hanya dua tempat dalam Qiraat<sup>c</sup> Abd Allah bin Mas<sup>c</sup>ud r.a yang melibatkan frasa dalam pembahagian *al-Taqdim wa al-Ta'khir*. Kedua tempat itu ialah berlaku dalam ayat 9 surah *al-Qasas* dan ayat 63 surah *al-Kahf*. Contoh dalam surah *al-Qasas* ialah sebagaimana berikut :

## چڑڑ کے کچڑ

Maksudnya :Dan (ketika melihat kanak-kanak itu) berkatalah isteri Firaun: "(Semoga ia menjadi) cahaya mata bagiku dan bagimu; janganlah kamu membunuhnya.

Berlaku *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dalam ayat ini berdasarkan periwayatan berikut :

وقرأ ابن مسعود «ك كذ ذ ذ رڑ» قدم وأخر

Maksudnya :*Dan telah baca Ibn Mas'ud r.a (dengan) :* (كَمْ كَفِيَ بِهِ الْمُؤْمِنُ لِذَرَّةٍ) berlaku mendahulukan dan mengakhirkannya. (Ibn Atiyyah 1422H dan al-Zamakhshari 1407H).

*Al-Taqdim wa al-Ta'khir* dalam ayat ini termasuk dalam konteks kemunasabahan (*al-Munasibah*) iaitu mendahulukan bergantung pada kehendak yang mana perlu didahulukan. Apabila didahulukan frasa (كـ كـ) ia menumpukan kepada larangan ‘*janganlah kamu bunuh*’ berbanding menumpukan kepada maksud ‘*cahaya mata bagiku dan bagimu*’.

## **5. Mendahulukan dan Mengakhirkan Perkataan dan Frasa**

Secara keseluruhan terdapat dua tempat dalam Qiraat <sup>c</sup>Abd Allah bin Mas<sup>c</sup>ud r.a yang melibatkan pertukaran tempat iaitu *al-Taqdim wa al-Ta'khir* perkataan dengan frasa. Salah satu contoh ialah dalam surah *al-Baqarah* ayat 210 ialah sebagaimana berikut :

چ نہ نہ نو نو

Maksudnya :*(Orang-orang yang ingkar itu) tidak menunggu melainkan kedatangan (azab) Allah kepada mereka dalam lindungan-lindungan awan, bersama-sama dengan malaikat (yang menjalankannya), padahal telahpun diputuskan perkara itu (balasan azab yang menimpakn mereka).*

Pertukaran tempat ini berlaku dalam Qiraat <sup>c</sup>Abd Allah bin Mas<sup>c</sup>ud r.a berdasarkan periyawatan berikut :

وفي قراءة عبدالله: {هُلْ يَنْظَرُونَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَهُمُ اللَّهُ وَالْمَلَائِكَةُ فَيُظْلَلُ مِنَ الْعَمَامِ}

Maksudnya :Dan dalam Qira'at 'Abd Allah (dibaca dengan) : (اللَّهُمَّ إِنْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَهُمُ اللَّهُ (al-Qurtubi 2003 dan Ibn 'Atiyyah 1422H) . والملائكة في ظلل من العمام

Bacaan ini diriwayatkan juga adalah merupakan bacaan Qiraat Ubay bin Ka'ab (al-Tabari 2000). Proses *al-Taqdim wa al-Ta'khir* ini berlaku antara perkataan (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) dengan frasa (نُؤْ نُؤْ نُؤْ نُؤْ). Secara keseluruhan ia tidak mengubah makna ayat, apa yang berlaku hanyalah melibatkan susunan dan struktur ayat berkenaan sahaja.

## **6. *Al-Ibdal* (pergantian) dan *Al-Taqdim wa Al-Ta'khir***

Terdapat dua tempat<sup>14</sup> *al-Ibdal* (pergantian) dan *al-Taqdim wa al-Ta'khir* perkataan dalam satu ayat dalam Qiraat Ibn Mas'ud r.a. Salah satunya ialah yang mana berlaku dalam ayat 6 surah *Sad*berikut :

وَذُكِرَ أَنْ ذَلِكَ فِي قِرَاءَةِ عَبْدِ اللَّهِ: «وَأَنْطَلَقَ الْمَلَائِكَةُ مِنْهُمْ يَمْشُونَ أَنْ اصْبِرُوا عَلَى الْهِكْمَةِ».

Maksudnya :*Dan (ketika itu) keluarlah ketua-ketua dari kalangan mereka (memberi peransang dengan berkata): "Jalan terus (menurut cara penyembahan datuk nenek kamu) dan tetap tekunlah menyembah tuhan-tuhan kamu.*

Pergantian (*Al-Ibdal*) dan mendahulukan dan mengakhirkannya (*al-Taqdim wa al-Ta'khir*) ini dinyatakan dalam periwatan berikut :

وَذُكِرَ أَنْ ذَلِكَ فِي قِرَاءَةِ عَبْدِ اللَّهِ: «وَأَنْطَلَقَ الْمَلَائِكَةُ مِنْهُمْ يَمْشُونَ أَنْ اصْبِرُوا عَلَى الْهِكْمَةِ».

Maksudnya :*Dan disebut sesungguhnya dalam Qira'at Abd Allah (dibaca dengan ) :* (وَأَنْطَلَقَ الْمَلَائِكَةُ مِنْهُمْ يَمْشُونَ أَنْ اصْبِرُوا عَلَى الْهِكْمَةِ) (al-Tabari, 2000)

Dalam ayat ini terdapat *al-Ibdal al-Naqis* pada perkataan (أَنْ) yang mana digantikan dengan (يَمْشُونَ). Pergantian ini melibatkan kata kerja perintah (*al-Fi'l al-Amar*) yang digantikan dengan kata kerja *mudari'*. Ia mengubah sedikit struktur ayat iaitu ayat dialog yang dilafazkan telah menjadi ayat biasa.

Manakala berlakunya *al-Taqdim wa al-Ta'khir* ialah merujuk kepada kata penyambung (أَنْ) yang merupakan huruf *masdariyyah* telah bertukar tempat yang mana asal perkataan dalam mashaf Uthmani ialah berada sebelum lafaz (أَنْ) dan dalam Qiraat Ibn Mas'ud r.a berada selepasnya. Menurut al-Alusi (1415H) menjelaskan bahawa dengan bertukarnya lafaz (أَنْ) kepada (يَمْشُونَ) menjadikan ayat berkenaan menjadi *musta'nifah* iaitu menjadi permulaan ayat yang baharu. Kesimpulan daripada perbezaan ini, secara keseluruhan ia tidak mengubah makna ayat berkenaan cuma terdapat perbezaan daripada struktur ayat sahaja.

## 7. *Al-Nuqsan(Pengurangan)* dan *Al-Taqdim wa Al-Ta'khir*

Secara keseluruhan terdapat dua tempat sahaja yang melibatkan *Al-Nuqsan* dan *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dalam Qiraat Ibn Mas'ud r.a . Antara contoh berlakunya *al-Taqdim wa al-Ta'khir* dan *Al-Nuqsan* ialah dalam surah *al-Baqarah* ayat 106 sebagaimana berikut :

أَنْ بِبِبِبِبِبِبِبِبِبِ

<sup>14</sup>Dua tempat berlaku *Al-Ibdal* dan *al-Taqdim wa al-Ta'khir* iaitu dalam surah *Sad*: 6 dan *al-Hadid*: 27.

Maksudnya : Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansukhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya.

Berlakunya pergantian dan pengurangan dalam ayat di atas dalam Qiraat Ibn Mas'ud r.a adalah berdasarkan periyawatan berikut :

وَقَدْ ذُكِرَ أَنَّهَا فِي مَصْحَفِ عَبْدِ اللَّهِ: (مَا نُنسِكَ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنْسِخُهَا نَجِيَءُ بِمِثْلِهَا)

Maksudnya :Dan telah disebut sesungguhnya dalam mashaf 'Abd Allah (dibaca dengan) : (مَا نُنسِكَ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنْسِخُهَا نَجِيَءُ بِمِثْلِهَا). (al-Tabari, 2000)

Dalam ayat ini telah berlaku perbezaan dari sudut al-taqdim dan al-ta'khir iaitu pertukaran kedudukan dalam ayat antara lafaz (نَسْخٌ) bermaksud 'dimansuhkan' dan juga (نُنْسِخَ) bermaksud 'ditinggalkan'. Pertukaran ini berlaku dalam Qira'at Ibn Mas'ud r.a dengan mendahulukan lafaz (نُنْسِخَ) menjadi (نَسْخٌ) manakala lafaz (نَسْخٌ) menjadi (نُنْسِخَ). Dari sudut makna ia tidak terjejas kerana ia jelas masih ada dalam ayat. Namun dari sudut turutan keutamaan ia berbeza antara dimansuhkan dan ditinggalkan.

Manakala berlakunya pengurangan dalam ayat ini ialah apabila frasa 5 perkataan iaitu (بِهِ وَلَا يَرَى) diriwayatkan tidak ada pada Qiraat Ibn Mas'ud r.a. Frasa ini telah digantikan dengan lafaz (نَجِيَءُ) yang bermaksud 'kami datangkan'. Pengurangan frasa ini telah mengubah makna ayat secara agak radikal kerana lafaz 'Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau' tiada dalam Qiraat Ibn Mas'ud r.a. Pengurangan ini akan menyebabkan makna berubah sedangkan lafaz berkenaan penting dalam memahami konsep *al-Nasikh wa al-Mansukh* dalam al-Qur'an.

### 8. *Al-Ziyadah* (Penambahan) dan *Al-Taqdim wa al-Ta'khir*

Berdasarkan analisis hanya terdapat satu sahaja tempat khilaf Qiraat Ibn Mas'ud r.a dengan mashaf 'Uthmani dalam konteks gabungan antara *al-Ziyadah* (penambahan) dan *al-Taqdim wa al-Ta'khir*. Khilaf ini berlaku dalam surah Saba' ayat 14 sebagaimana berikut :

وَبَعْدَهُمْ يَرَى تَحْتَهُمْ شَيْئاً

Maksudnya :Maka apabila ia tumbang, ternyata kepada golongan jin itu, bahawa kalaularah mereka sedia, mengetahui perkara yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di dalam azab (kerja berat) yang menghina.

Berlakunya penambahan (*al-Ziyadah*) dan mendahulukan dan mengakhirkan (*al-Taqdim wa al-Ta'khir*) dalam Qiraat Ibn Mas'ud r.a adalah berdasarkan periwatan berikut :

قال الطبرى وفي بعض القراءات «فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَ الْإِنْسُانُ أَنَّ الْجِنَّ لَوْ كَانُوا» وحکاها أبو الفتح عن ابن عباس  
والضحاك وعليٌّ بن الحسين وذكر أبو حاتم أنها كذلك في مصحف ابن مسعود

Maksudnya : *Dalam sebahagian al-Qiraat فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَ الْإِنْسُانُ أَنَّ الْجِنَّ لَوْ كَانُوا* dan diceritakan bahawa Abu al-Fath daripada Ibn 'Abbas dan al-Dahhak dan 'Ali bin Husayn dan dinyatakan oleh Abu Hatim ia adalah apa yang ada dalam mashaf Ibn Mas'ud. (al-Tabari 2000).

Terdapat penambahan perkataan (الإِنْسُانُ) dalam ayat ini serta berlaku mendahulukan dan mengakhirkan (*al-Taqdim wa al-Ta'khir*) pada perkataan (أَنَّ الْجِنَّ) dan lafaz mashaf Uthmani (أَنَّ بَيْنَ). Sekalipun terdapat perbezaan dari sudut kata penyambung antara (أَنَّ) dan (بَيْنَ), namun sekiranya dalam bentuk struktur tulisan ia adalah sama. Dari sudut makna ayat ia tidaklah memberikan perubahan makna yang radikal. Penambahan perkataan (الإِنْسُانُ) itu, adalah sebagai pentafsiran kepada ayat menjadikan “Maka apabila ia tumbang, jelaslah bagi manusia bahawa golongan jin itu, mereka sedia, mengetahui perkara yang ghaib”.

## Kesimpulan

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, mashaf Ibn Mas'ud r.a ini hakikatnya tidak diriwayatkan dalam bentuk mashaf. Ia hanyalah merupakan periwatan yang disandarkan kepada mashaf beliau atau disandarkan kepada bacaan beliau. Perlu ditegaskan, segala bentuk khilaf yang berlaku tidak semestinya sahih datang daripada Ibn Mas'ud r.a. Ia adalah sukar untuk mengkaji sanad bacaannya kerana lebih daripada separuh khilaf yang berlaku adalah didatangkan tanpa sanad dan hanya dinyatakan secara sepintas lalu.

Secara keseluruhan terdapat hanya 15 tempat dalam al-Qur'an yang berlaku perbezaan dalam konteks mendahulukan dan mengakhirkan (*al-Taqdim wa al-Ta'khir*) *al-Qira'at al-Shadhdhah* bersumberkan Abd Allah bin Mas'ud r.a. Setelah dianalisis kesemua bentuk ini terbahagi kepada lapan iaitu *al-Taqdim wa al-Ta'khir* huruf, kata penyambung, perkataan, frasa dan perkataan , frasa, gabungan dengan penambahan (*al-Ziyadah*), pengurangan (*al-Nuqsan*) serta pergantian (*al-Ibdal*).

Dari sudut makna ayat, perbezaan yang berlaku tidak mengubah makna secara radikal seperti berlaku berlawanan (*tadad*) atau menafikan (*tanafī*). Ini kerana kebanyakannya hanya melibatkan perubahan tempat dan susunan sahaja. Namun ia tetap memberi kesan kepada makna dari segi struktur dan susunan. Sekalipun ia tidak merosakkan makna dan memberi kesan negatif, jumhur ulama menetapkan bahawa ia tidak boleh dibacakan dalam atau di luar solat. Namun ia boleh dipelajari dan dijadikan sebagai hujah dalam fiqh kerana hampir keseluruhan *al-Qira'at al-Shadhdhah* merupakan riwayat yang *ahad* dan *sahih*.

Untuk tujuan itu, dicadangkan untuk dilanjutkan kajian dalam bidang ini sama ada memilih tokoh sahabat lain sebagai fokus kajian, mengkaji sanad-sanad Qiraat serta sesuai dipanjangkan dalam konteks kajian tatabahasa Arab dan linguistik.

## RUJUKAN

- Abu Hayyan al-Andalusi, Muhammad bin Yusuf bin Ali bin Yusuf. 1993. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu Shamah, <sup>c</sup>Abd al-Rahman bin Isma<sup>c</sup>il bin Ibrahim. 1978. *Ibraz al-Ma<sup>c</sup>ani bin Hirz al-Amani fi al-Qira'at al-Sab<sup>c</sup>i*. Maktabah Mustafa al-Bab al-Halabiwa Awladuhu.
- Ahmad <sup>c</sup>Isa al-Ma<sup>c</sup>sarawi. 2006. *al-Qira'at al-Waridah fi al-Sunnah*. Qahirah : Dar al-Salam.
- Al-Alusi, Shihab al-Din Mahmud Ibn <sup>c</sup>Abd Allah . 1415H. *Ruh al-Ma<sup>c</sup>ani fi Tafsir al-Qur'an al-<sup>c</sup>Azim wa al-Sab<sup>c</sup> al-Mathani*. Tahqiq : <sup>c</sup>Ali<sup>c</sup>Abd al-Bari <sup>c</sup>Atiyyah. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma<sup>c</sup>il bin Ibrahim bin al-Mughirah. 1993. *Sahih al-Bukhari : al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW min Sunanah wa Ayyamih*. Dimashq : Dar al-Ulum al-Insaniah.
- Al-Hakim, Muhammad bin Abd Allah bin Abu Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi. 1990. *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihayn*. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad al-Baghdadi . 1993. *al-Nukat wa al-<sup>c</sup>Uyun*. Bayrut : Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Al-Nuwayri, Muhammad bin Muhib al-Din, Abu al-Qasim . 2003. *Sharh Tayyibah al-Nash fi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Ashr*. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Al-Qurtubi, Abu<sup>c</sup>Abd Allah Muhammad bin Ahmad Bin Abi Bakr al-Ansari al-Khazraji . 2003. *Al-Jami<sup>c</sup> Li Ahkam al-Qur'an*. Riyadh : Dar <sup>c</sup>Alam al-Kutub
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1998. *al-Muzhir fi <sup>c</sup>Ulum al-Lughah wa Anwa<sup>c</sup>ihā*. Tahqiq: Fu<sup>c</sup>ad <sup>c</sup>Ali Mansur. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. 1407H. *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Bayrut : Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Al-Tha<sup>c</sup>alibi, Abu Zayd Abd al-Rahman bin Muhammad bin Makhluf . 1418H. *Jawahir al-Hisan Fi tafsir al-Qur'an*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi.
- Al-Tha<sup>c</sup>labi, Abu Ishaq Ahmad bin Muhammad al-Naysaburi . 2002. *al-Kashf wa al-Bayān 'an Tafsīr al-Qur'ān*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi.
- Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud bin <sup>c</sup>Amru bin Ahmad . 1407H. *al-Kashshaf <sup>c</sup>An Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil*. Bayrut : Dar al-Kitab al- <sup>c</sup>Arabi.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din bin Abd Allah. 2001. *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn al-Athir al-Jazari. 1987. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Bayrut : Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Ibn <sup>c</sup>Atiyyah. Abi Muhammad Abd al-Haq bin Ghalib al-Andalusi. 1422H. *Al-Muharrir al-Wajiz fi Tafsir al-'Aziz*. Tahq : al-Sayyid <sup>c</sup>Abd al-Allah al-Sayyid Ibrahim et.al. Qahirah : Dar Ibn Hazm.
- Ibn Hajar, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali bin Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani. 2008. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut : Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim . 2009. *Lisan al-<sup>c</sup>Arab*. Lubnan : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Khalid 'Abd al-Rahman al-<sup>c</sup>Akk . 1994. *Usul al-Tafsir wa Qawa<sup>c</sup>iduh: Bahithun fī al-'Ulum al-Qur'āniyyah*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- Mahmud al-Sayyid Shaykhun. T.t. *Asrar al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Qur'an al-Karim*. Qahirah : Dar al-Hidayah Li al-Tiba<sup>c</sup>ah wa al-Nashr wa al-Tawzi<sup>c</sup>.
- Mahmud bin Abd al-Rahim Safi. 1418H. *al-Jadwal fi al-I'rāb al-Qur'an*. Dimashq: Dar al-Rashid.
- Muhammad Rawwas Qal<sup>c</sup>ah Ji. 1984. *Mawsu<sup>c</sup>ah Abd Allah bin Mas<sup>c</sup>ud*. Bayrut : Dar al-Nafa'is.
- Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushayri. 1365H. *al-Jami<sup>c</sup> al-Sahih al-Musamma Sahih Muslim*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi.